

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

28. Apakah langkah masa panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan pembelajaran stem di Negeri Pulau Pinang memandangkan usaha-usaha awal telah dijalankan seperti Penang Digital Library (PDL) dan Penang Tech Dome.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penang Digital Library (PDL) pada Oktober 2016 dan Penang Tech Dome pada Julai 2016 sebagai satu inisiatif untuk menerapkan pembelajaran STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematic*) di kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang.

Sebagai perancangan jangka masa panjang dan bagi menggalakkan pembelajaran STEM di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk membangunkan PDL Fasa 2 dengan kos sebanyak RM10.8 juta. PDL Fasa 2 ini boleh memuatkan seramai 540 orang pengguna dalam satu-satu masa untuk melaksanakan segala jenis aktiviti / program yang berkaitan dengan konsep STEM. Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan bilangan bahan bacaan elektronik kepada 20,000 yang berkaitan dengan STEM selaras dengan permintaan pengguna. PDL Fasa 2 ini dijadualkan untuk mula beroperasi pada Disember 2018.

Kerajaan Negeri juga akan membangunkan sebuah perpustakaan digital di kawasan Butterworth, Seberang Perai yang akan dikenali

sebagai Butterworth Digital Library (BDL) untuk membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital yang menerapkan budaya revolusi industri 4.0 melalui pembelajaran STEM. BDL dijangka siap untuk dirasmikan pada Oktober 2019.

Bagi memacukan budaya 'revolusi industri 4.0' dalam pendidikan keagamaan Islam, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (PIDL) pada suku kedua tahun 2019 untuk menggalakan penduduk Negeri Pulau Pinang mengharungi semua bidang keagamaan Islam secara elektronik. PIDL akan dibangunkan untuk kesemua lapisan masyarakat dan ianya direka khas supaya bersesuaian untuk semua peringkat umur termasuk kanak-kanak supaya ia dapat mewujudkan minat kanak-kanak untuk mempelajari Bidang Sains Keislaman.

Selain itu, bagi memperluaskan pembelajaran STEM, Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan sebuah Pusat STEM di 'Penang Hill Base Station'. Pusat tersebut akan merangkumi enam inisiatif Kerajaan Negeri yang memfokuskan pembelajaran STEM di mana PDL adalah salah satu daripada inisiatif tersebut.